




Tindakan segera perlu diambil bagi mengatasi masalah hakisan pantai di Kelantan.

[GAMBAR HIASAN]

JPS diminta kemuka laporan hakisan pantai

? Masalah hakisan pantai yang semakin teruk di Kelantan memerlukan perhatian segera Kerajaan Pusat bagi menjamin keselamatan penduduk. Ini kerana banyak kawasan kampung di sepanjang pantai kini menjadi sebahagian daripada Laut Cina Selatan.

Sarimah Basiran
Pasir Puteh, Kelantan

! Kerajaan Pusat tetap melaksanakan tanggungjawabnya demi kebajikan rakyat walaupun di negeri ditadbir pembangkang. Jadi, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan diminta menyediakan laporan mengenai masalah berkenaan untuk dibawa kepada Kerajaan Persekutuan.

Laporan itu antaranya merangkumi panjang kawasan pantai terbabit dan jumlah peruntukan bagi membaik pulih. Antara kawasan paling teruk terjejas ialah di Pantai Irama, Bachok, Pantai Sabak, Kota Bharu dan Pantai Bisikan Bayu, Pasir Puteh.

“ Laporan itu antaranya merangkumi panjang kawasan pantai terbabit dan jumlah peruntukan bagi membaik pulih. Antara kawasan paling teruk terjejas termasuk di **Pantai Irama, Bachok, Pantai Sabak, Kota Bharu dan Pantai Bisikan Bayu, Pasir Puteh**”

Di Bachok umpamanya, hakisan sudah menghampiri kawasan Masjid Jajahan Bachok, manakala benteng yang dibina Kerajaan Pusat dengan kos jutaan ringgit roboh dilanda ombak tahun lalu. Jadi, laporan itu penting bagi membolehkan kerja membaik pulih dapat dilaksanakan segera.

Datuk Seri Mustapa Mohamed
Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan



**SUARA
KOMUNITI**

Suara Komuniti mengetengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Sila hantarkan aduan anda ke Suara Komuniti BH, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur atau e-mel ke **suarakomuniti@bharian.com.my**.